

PERANCANGAN TAMAN
PERMAINAN KANAK-KANAK

Oleh :

HABSAH HASHIM

Satu Kajian Akhir Yang Disediakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Dari Syarat Penganugerahan

DIPLOMA PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan Dan Ukur
Institusi Teknologi Mara
Shah Alam

April 1981

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama, bantuan serta galakan dari beberapa pihak tertentu. Mereka-mereka yang saya sebutkan dibawah ini telah sedikit sebanyak memberi sumbangan dalam menyediakan kajian ini hingga ia menjadi satu realiti.

Ucapan terima kasih yang tak terhingga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa serta keluarga yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan bantuan kewangan dalam menghadapi saat-saat genting menyiapkan kajian ini.

Terima kasih diucapkan kepada Encik Wan Salleh, Penyelia yang senantiasa memberi perangsang dan pandangan serta tunjuk ajar yang membina.

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan dan pensyarah-pensyarah yang turut memberikan sumbangan dalam apa bentuk sekali pun tenaga, usaha, pendapat, teguran dan ingatan.

Akhir sekali penghargaan ditujukan kepada kakitangan Dewan Bandaraya dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya yang telah bermurah hati memberikan pelan-pelan dan maklumat-maklumat yang diperlukan.

"KEIKHLASAN DAN KETULUSAN HATI DALAM MEMBERI DAN MENERIMA
ADALAH SATU KEMULIAAN".

ABSTREK

Kanak-kanak dan para remaja di negara-negara yang dianggap telah maju (bertamaddun) dapat menikmati cara hidup yang memuaskan - kebersihan, makanan berzat, sekolah yang baik dan keadaan rumah yang sempurna. Namun begitu, masih lagi kedapatan 'kemiskinan' dari segi keperluan naluri serta emosi. Kesengsaraan yang dialami mungkin tidak ketara, tetapi masyarakat harus sedar akan penderitaan yang dialami iaitu penyakit mental yang bertambah, kejadian-kejadian kekerasan yang menjadi-jadi, tingkah laku budak-budak nakal dan penagihan dedah yang tidak terkawal.

Tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan dizaman serba moden ini banyak mengganggu permainan secara spontan kanak-kanak. Keadaan hutan-batu di bandar-bandar sangat tidak sesuai untuk kanak-kanak. Begitu juga dengan berekar-ekar estet perumahan yang dibina secara stereotaip. Kesemua pembangunan ini dirancang tanpa mengambilkira naluri, kemahuan rohani serta kehendak bathin manusia. Penciptaan keadaan-keadaan seperti ini merupakan masalah besar yang dihadapi oleh dunia dan adalah satu 'tragedy of affluence'. Para perancang dan jurubina hendaklah mencari cara-cara baru untuk membentuk satu kaitan antara bangunan yang dibangunkan dengan manusia setempat.

Sekarang ini, kebanyakan tempat-tempat bermain yang menarik untuk kanak-kanak disekitar rumahnya telah tiada. Tempat-tempat yang dianggap 'mystery' oleh kanak-kanak telah dibinasakan.

Muka Surat

| | |
|--|------|
| PENGHARGAAN | i |
| ABSTREK | ii |
| ISI KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | viii |
| SENARAI GAMBARAJAH | ix |
| SENARAI GAMBARFOTO | ix |
| SENARAI PELAN | xi |
| SENARAI LAMPIRAN | xi |
| | |
| 1.0 PENGENALAN | 1 |
| 1.1.0 HIPOTESIS | 2 |
| 1.2.0 OBJEKTIF | 2 |
| 1.3.0 SKOP | 3 |
| 1.4.0 METODOLOGI | 5 |
| | |
| 2.0 TEORI DAN PRINSIP REKREASI | |
| 2.1.0 PENDAHULUAN | 8 |
| 2.2.0 DEFINISI REKREASI | 11 |
| 2.3.0 KAWASAN LAPANG DAN REKREASI | 13 |
| 2.4.0 PIAUAN | 16 |
| 2.5.0 PERUNTUKAN TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK | 19 |
| 2.6.0 PERUNTUKAN TAMAN PERMAINAN DI MALAYSIA | 23 |
| 2.7.0 KESIMPULAN | 28 |

1.0 PENGENALAN

Kanak-kanak adalah golongan generasi yang paling muda dalam masyarakat. Merekalah bakal memegang teraju negara dimasa hadapan. Merekalah bakal pembentuk masyarakat, bangsa dan nusa. Kehadiran mereka sebagai harapan negara adalah disambut dan dirai dengan penuh kasih-sayang dan kegembiraan.

Harapan-harapan suci murni yang dikalungkan kepada kanak-kanak itu haruslah disertai dengan bimbingan dan tunjuk ajar yang wajar. Haruslah ada pada setiap anggota masyarakat satu fahaman dan pengetahuan yang mendalam tentang naluri-naluri serta kehendak-kehendak kanak-kanak. Cara-cara bimbingan, didikan dan tunjuk ajar haruslah diselaraskan dengan naluri serta kehendak tersebut.

Salah satu aspek yang penting dalam perjalanan hidup seharian seorang kanak-kanak ialah bermain. Kanak-kanak akan bermain bila-bila dan dimana-mana mereka suka - diwaktu pagi, petang, semasa menunggu bas, sambil berjalan kesekolah; bila-bila masa sahaja; dipadang, dijalanraya, dirumah, dimana-mana sahaja. Memang tidak dapat dinafikan bahawa bermain merupakan naluri semulajadi yang telah tertanam dalam jiwa kanak-kanak.

Antara lain, fungsi-fungsi bermain adalah sebagai satu cara melepaskan emosi dan perasaan, pembentuk sifat-sifat hidup bermasyarakat, sebahagian daripada proses pendidikan yang dapat memberikan kepuasan serta kejayaan kepada kanak-kanak.